

**MEMO RESIDENSI PELAJAR
KOLEJ KEDIAMAN BESTARI JAYA
PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KEMASUKAN KE
KOLEJ KEDIAMAN UNISEL KAMPUS BESTARI JAYA
SEMESTER OGOS 2025 – PROGRAM ASAS**

KEPADA : **SEMUA PELAJAR PROGRAM ASAS UNIVERSITI SELANGOR**

DARIPADA : Pengarah Residensi Pelajar

SALINAN : 1. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
2. Pendaftar
3. Bendahari
4. Dekan-dekan Fakulti/ Pusat
5. Timbalan-timbalan Dekan Pemasaran & Pembangunan Pelajar Fakulti/ Pusat
6. Pengarah Jabatan Keselamatan, Penjimatan dan Kesihatan Pekerjaan
7. Pengarah Pejabat Antarabangsa
8. Felo Residen


NOR AKMARIAH ABDULLAH K.B., P.A.
PENGARAH
RESIDENSI PELAJAR
PEMBANGUNAN PELAJAR & JARINGAN KOMUNITI
UNIVERSITI SELANGOR

RUJUKAN : UNISEL/KKBJ/25/05(13)JILID(1)

TARIKH : 04 Ogos 2025

Assalamualaikum dan salam sejahtera Siswa-siswi Program Asas yang budiman,

Bagi memastikan proses kemasukan pelajar ke kampus dilaksanakan dengan lancar, pihak Residensi Pelajar telah menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pendaftaran Kolej Kediaman Semester Ogos 2025 (Program Asas) yang perlu dipatuhi oleh pelajar.

Semua pelajar **DIWAJIBKAN** mematuhi jadual Pendaftaran Kolej Kediaman yang ditetapkan. Keutamaan hanya diberikan kepada pelajar yang telah mendaftar mengikut jadual sahaja dan pihak Kolej Kediaman berhak untuk mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan proses pendaftaran berjalan dengan lancar.

JADUAL PENDAFTARAN MENGIKUT KATEGORI PELAJAR:

KATEGORI 1: PELAJAR BAHARU PROGRAM ASAS KEMASUKAN SEMESTER OGOS 2025

BIL	FAKULTI	TARIKH PENDAFTARAN	TEMPAT	MASA
1.	Pelajar Baharu Program Asas Kemasukan Semester Ogos 2025.	07 Ogos 2025 (Khamis)	DEWAN NAIB CANSELOR (DNC)	8.30 PAGI - 4.30 PETANG

KATEGORI 2: PELAJAR SEMASA PROGRAM ASAS SEMESTER OGOS 2025

BIL	FAKULTI	TARIKH PENDAFTARAN	TEMPAT	MASA
1.	Pelajar Semasa Program Asas Semester Ogos 2025.	08 Ogos 2025 (Jumaat)	PEJABAT RESIDENSI PELAJAR	8.30 PAGI - 4.30 PETANG

***SILA RANCANG PERJALANAN ANDA & MENEPATI MASA YANG TELAH DITETAPKAN. SEBARANG KELEWATAN TIDAK DILAYAN.**

PROSES PENDAFTARAN MASUK KOLEJ KEDIAMAN

1. Syarat **WAJIB** untuk mendaftar kolej kediaman:

- 1.1 Pelajar mestilah bertatus **AKTIF***.
- 1.2 Telah membayar deposit kemudahan asrama.
- 1.3 Bebas daripada hukuman tatatertib (buang asrama).
- 1.4 Bebas dari senarai pelajar yang tidak ditawarkan tempat disebabkan melanggar peraturan kolej kediaman.

**pelajar yang berstatus defer, absent dan fail adalah tidak dibenarkan mendaftar masuk Kolej Kediaman dan perlu merujuk terlebih dahulu kepada fakulti masing-masing.*

2. Hanya pelajar sahaja dibenarkan masuk ke dalam dewan bagi proses pendaftaran kolej kediaman:

- 2.1 **WAJIB** membawa kad matrik bagi urusan pendaftaran. Wakil pelajar untuk mengambil kunci adalah dibenarkan.
- 2.2 Setelah selesai mengambil kunci, pelajar akan terus bergerak masuk ke Kolej Kediaman dengan konsep secara *drop-off* dan pandu lalu di depan blok asrama yang telah ditetapkan.
- 2.3 Kenderaan ibu bapa atau ahli keluarga perlu diletakkan dalam kawasan letak kenderaan yang telah disediakan di luar kawasan kolej kediaman.
- 2.4 Semua ibu bapa/ penjaga pelajar **WAJIB** mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh petugas.

- 2.5 Bagi **pelajar OKU dan berkeperluan khas**, mohon maklumkan terlebih dahulu kepada pihak Kolej Kediaman bagi memudahkan urusan berkaitan pendaftaran.

PEMATUHAN SOP DAN PERATURAN

Semua pelajar adalah **DIWAJIBKAN** mematuhi segala SOP dan peraturan yang ditetapkan. Mana-mana pelajar yang menyalahi SOP atau peraturan universiti dan Kolej Kediaman boleh dikenakan tindakan disiplin berdasarkan Buku Peraturan dan Tatatertib Pelajar Edisi Ke-4(2023).

Pelajar juga dikehendaki terlebih dahulu membuat **IKRAR** dan menandatangani **Aku Janji Pelajar Kolej Kediaman** untuk mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh UNISEL.

DEPOSIT DAN YURAN KOLEJ KEDIAMAN

Semua pelajar **DIWAJIBKAN** membayar deposit kemudahan asrama sebanyak RM300 sebelum daftar masuk asrama. Bayaran deposit melalui bayaran secara dalam talian:



Biller Code: 40147
Ref-1: Student IC Number
Ref-2: Telephone Number

JomPAY online at Internet and Mobile Banking with your Current, Saving or Credit Card account

**will be updated at student ledger within 3 working days*

Pelajar perlu menunjukkan bukti pembayaran semasa pendaftaran kolej kediaman.

Pelajar semasa yang telah membayar deposit asrama sebelum ini (*yang masih aktif / belum membuat tuntutan semula*) tidak perlu membuat apa-apa bayaran.

MAKLUMAT LANJUT & PERTANYAAN

1. Pejabat Residensi Pelajar:
03-32805157/5158
Email: residenbj@unisel.edu.my
2. Pejabat Pentadbiran HEP
03-32805026
Email: pentadbiran_hep@unisel.edu.my